**PENGURUSAN PEMANTAUAN KERATAN AKHBAR MBSJ**
**TARIKH: 27 NOVEMBER 2024 (RABU)**

## LAIN-LAIN PBT

| BIL | AKHBAR | PBT | TAJUK |
|---|---|---|---|
| 1. | THE STAR | DBKL | • REINSTATE ONE-WAY TRAFFIC FLOW AT JALAN JINJANG, DBKL TOLD |
| 2. | SINAR HARIAN | DBKL | • KETEGASAN DBKL MARTABAT BAHASA KEBANGSAAN DIPUJI<br>• INDIVIDU PERTIKAI TINDAKAN DBKL PUNYAI MENTALITI 'PENDATANG' |
| 3. | BERITA HARIAN | DBKL | • DBP SOKONG TINDAKAN DBKL |

## UMUM

| BIL | AKHBAR | TAJUK |
|---|---|---|
| 1. | THE STAR | • BETTER COORDINATION TO MITIGATE FLOODS IN KLANG<br>• SABAK BERNAM'S COCKLE SEED NUMBERS DROP TO ZERO<br>• NEARLY ALL CIVIL SERVANTS HAVE SIGNED UO FOR SSPA |
| 2. | SINAR HARIAN | • 85% PENJAWAT AWAM TANDATANGAN SSPA<br>• 60,000 KIT MAKANAN UNTUK MANGSA BENCANA<br>• KUALA LUMPUR TANGGA KE-8 PILIHAN EKSPATRIAT KERANA KOS SARA HIDUP RENDAH<br>• 688,000 TIADA RUMAH SENDIRI |
| 3. | KOSMO | • BEROPEARSI SECARA TERBUKA, SPA KECANTIKAN SEMAKIN BERANI<br>• 688,663 PENJAWAT AWAM BELUM MILIKI KEDIAMAN SENDIRI<br>• PUTRAJAYA FOI, PLATFORM HIMPUNAN IDEA INOVATIF |
| 4. | BERITA HARIAN | • 688,663 PENJAWAT AWAM MASIH BELUM ADA RUMAH SENDIRI<br>• 200,000 PENJAWAT AWAM BELUM TANDATANGAN SSPA |
| 5. | UTUSAN MALAYSIA | • 85 PERATUS PENJAWAT PILIH SSPA – SHAMSUL AZRI<br>• FOI PUTRAJAYA 2024 TAWAR 10,000 PELUANG PEKERJAAN<br>• KELANTAN LULUSKAN ENAKMEN KAWALAN HIBURAN DAN TEMPAT-TEMPAT HIBURAN 2024 |
| 6. | NEW STRAITS TIMES | • 24-HOUR PERKESO COVERAGE A STEP IN THE RIGHT DIRECTION<br>• NEW EXIT POLICY FOR GOVT QUARTERS BEING REVIEWED |
| 7. | THE SUN | • CIVIL SERVANTS EXIT POLICY FOR GOVT QUARTERS UNDER REVIEW<br>• FOUR-TIER STRUCTURE TO END CORRUPTION |

# Reinstate one-way traffic flow at Jalan Jinjang, DBKL told

MOTORISTS using Jalan Jinjang in Jinjang Utara are urging Kuala Lumpur City Hall (DBKL) to reinstate the one-way traffic system along the road.

The street has become a source of frustration for residents, due to its current two-way configuration.

Community activist Yee Poh Ping said that during peak hours, the narrow road's two-way traffic exacerbated congestion.

"Lorries often park on the side of the road to unload goods, further hindering traffic flow," he said.

Yee said the road's original one-way traffic configuration was more suitable for the area's traffic volume.

Resident and business owner Alex Tan said that despite the presence of one-way signs at both ends of the road, many motorists disregarded them.

"These motorists are causing significant traffic disruptions."

Tan said that during the construction of the Jinjang MRT station, a nearby petrol station was closed and the road was temporarily used as a two-way street.

"Although the MRT construction has been completed for several years, the road remains a two-way street," he noted.

Yee said that DBKL's traffic enforcement should help monitor the road, especially during peak hours.

He added that there were no proper parking bays for those visiting the bank in Jinjang Utara or for lorries to unload.

– By MEGAT SYAHAR

**Jalan Jinjang was previously a one-way road**




THE STAR
Tarikh: 27 NOV 2024

# Better coordination to mitigate floods in Klang

## Multi-agency meetings will streamline response, says Izham

MORE multi-agency meetings will be held to coordinate flood mitigation measures in the Klang district, says Selangor infrastructure and agriculture committee chairman Izham Hashim.

"There is a perception that flood mitigation measures are only under the purview of Selangor Drainage and Irrigation Department (DID)," he said at the Selangor State Assembly Sitting at Bangunan Dewan Negeri Selangor in Shah Alam.

"However, there are some that come under the purview of district offices and local councils as these agencies oversee the internal drainage systems in villages and housing areas.

"Some floods are localised or happen within specific areas under local agencies.

"Hence, there is a need for better coordinated meetings to streamline measures and to address floods and mitigation projects at all levels," he said.

Izham said all agencies had also been asked to provide an update to his office on their flood upgrading projects for the next five years, for better coordination.

The Pandan Indah assemblyman was responding to a question by Tony Leong Tuck Chee (PH-Pandamaran), who said the flood issues he had raised at previous sessions of the Selangor State Assembly Sitting had not been addressed.

Noor Najhan Mohamad Salleh (PN-Sementa) had asked about the number and status of flood mitigation measures in the Klang district.

Izham replied that the state government and the Federal Government had allocated RM133.8mil and RM359.7mil respectively to Selangor DID to implement projects in the district to reduce the risk of floods.

He said these involved 13 projects, which were in various stages of implementation and pre-planning.

These include the Sungai Kandis (Phase 2) flood mitigation project in Klang (32% completion stage), Sungai Rasau (Phase 2) flood mitigation plan in Klang (28%), drainage system upgrading works in Taman Melawis, Klang (66%), upgrading drainage system and building missing link structures in Sungai Rasau (Phase 1) Basin, Klang (77%), building a flood retention pond next to Taman Mutiara Bukit Raja in Klang that is along Shapadu Highway (22%), Sungai Klang flood mitigation plan in Section 25, Shah Alam (13%) as well as Sungai Kapar Kecil and Sungai Kapar Besar flood mitigation plan in Klang and Petaling districts (2%).

Noor Najhan then asked if the flood mitigation measures covered several housing areas in Bukit Kapar, which he said had been affected by flash floods this year and last year.

"This could be due to problems with the internal drainage systems that fall under the local council," said Izham, noting the locations mentioned.

"One of the things that the multi-agency, coordinated meetings will address is the maintenance of drains that aren't under any agency's jurisdiction," he added.




Klang Royal City Council's Quick Response Team (Pantas) personnel helping to evacuate a family during flood. — Filepic

THE STAR
Tarikh: 27 NOV 2024

# Sabak Bernam's cockle seed numbers drop to zero



Izham says several factors have made Sabak Bernam less suitable for cockle breeding.

PRODUCTION of cockle seeds in Sabak Bernam dropped from 555,048 in 2019 to zero in 2023.

This was revealed by Mohd Razali Saari (PN-Sungai Panjang), who wanted to know the main factors behind the decline.

Selangor infrastructure and agriculture committee chairman Izham Hashim said factors such as deteriorating seabed conditions and water quality made the area less suitable for cockle breeding.

"There have also been cases of cockle seed theft by smugglers."

He said fishermen had not reported the decrease in cockle seeds from natural beds, which they should have done, to facilitate monitoring.

He was speaking at the Selangor State Assembly Sitting at Bangunan Dewan Negeri Selangor in Shah Alam.

Izham said a study was conducted by the Fisheries Department and Sirim (Standard and Industrial Research Institute of Malaysia) Bhd at Kuala Selangor.

"I observed how the water, particularly from the Sungai Buloh river, flows into the sea.

"Our study showed that in polluted areas, the cockles were very small and if any were found, they contained toxins that made them unsafe for consumption.

"A study is currently being conducted in Sabak Bernam and we have allocated state funds to allow Sirim to continue its research in the area," he said.

Izham said one of the proposals by the Fisheries Department was to reassess the distributed lots, as many were no longer being used.

"We need to measure the lots and determine the areas along the coastline suitable for cockle farming.

"One of the proposals is to reclaim the land.

"There are too many dead shells, which prevent the cockles from accessing resources.

"These dead shells need to be removed."

He said illegal cockle harvesting often took place in shallow areas, thus another proposal was to step up enforcement.

"We have managed to make some arrests and took legal action," he added.

Izham said the welfare of the fishing community was under the purview of the Malaysian Fisheries Development Authority (LKIM) and that the state was collaborating with the various fishermen's associations to provide assistance.

THE STAR
Tarikh: 27 NOV 2024

# Nearly all civil servants have signed up for SSPA

**PUTRAJAYA:** With less than a week left to implementation, about 85% of the 1.4 million civil servants have signed up for the new civil service salary rules or the Public Service Remuneration System (SSPA) option, says Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar.

The Chief Secretary to the Government said the Public Service Department (JPA) has held explanation sessions on the new system to get the remaining 15% on board.

"In terms of percentage, 85% have agreed to sign the SSPA. As for the remaining (15%), I was made to understand that JPA will go all-out to provide clarification as some are still unclear about the system due to inaccurate information they have seen on social media," he said in his keynote address at the Malaysia Madani national seminar yesterday.

Shamsul Azri advised civil servants who are still unclear about the benefits of the SSPA to refer to the JPA for clarification as the department is the "authentic source of reference".

"Don't listen to what your friends on social media say.

> **"These friends are not government servants, so how can they understand and give advice on the SSPA?"**
>
> Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar

Sometimes, these friends are not government servants, so how can they understand and give advice on the SSPA?" he added.

On Nov 12, a one-stop call centre for the SSPA was established to provide clear and accurate explanations, and avoid confusion among civil servants regarding the new remuneration system.

On Sept 13, Public Service director-general Tan Sri Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz announced that civil servants have 40 days between Oct 21 and Nov 30 to sign up for the SSPA or remain under the Malaysian Remuneration System (SSM) before the new system takes effect on Dec 1.

Permanent and pensionable civil servants who opt for the SSPA will not only have a permanent and unaffected pension but also receive a salary adjustment.

Officers with contract status (contract of service) are also eligible to receive salary adjustments under SSPA.

The SSPA is part of the government's efforts to ensure the well-being and job satisfaction of all civil servants regardless of employment status.




**On the ground:** Shamsul Azri delivering his keynote address at the Malaysia Madani national seminar in Putrajaya. — Bernama

THE STAR
Tarikh: 27 NOV 2024

SH 27/11

# Ketegasan DBKL martabat bahasa Kebangsaan dipuji

**SHAH ALAM** - Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob memuji ketegasan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bertindak menurunkan papan tanda bahasa lain di sekitar ibu kota baru-baru ini.



ISMAIL SABRI

Beliau berkata, langkah ini sewajarnya dijadikan contoh oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) di seluruh negara dalam memartabatkan bahasa Kebangsaan.

"Sudah sampai masa seluruh PBT menggunakan bahasa Melayu dengan menguatkuasakan undang-undang yang dimiliki dan tidak lagi bertolak ansur dengan mana-mana pihak yang meremehkannya.

"Ia selaras dengan Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan menjelaskan bahawa bahasa Melayu adalah bahasa rasmi yang tidak boleh dipertikai fungsi dan peranannya sebagai Bahasa Kebangsaan," katanya.

Menurut Ismail Sabri lagi, penggunaan Bahasa Melayu pada papan tanda juga tidak menjejaskan sama sekali kemasukan pelancong.

"Sebagai contoh, negara jiran Thailand menggunakan bahasa Thai di semua papan tandanya tetapi pelancong tetap ramai berkunjung ke negara tersebut," katanya.

SINAR HARIAN
Tarikh: 27 NOV 2024

SH 27/11

# Individu pertikai tindakan DBKL punyai mentaliti 'pendatang'

**SHAH ALAM -** Kesetiaan dan nilai jati diri rakyat Malaysia boleh dipersoalkan jika individu tersebut mempertikaikan tindakan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menguatkuasakan pematuhan lesen premis perniagaan dan papan tanda dwibahasa di pusat beli-belah.

Felo Kanan Majlis Profesor Negara (MPN), Profesor Emeritus Datuk Dr Teo Kok Seong berkata, masih ada pemikiran yang jelas menunjukkan sifat kurang berpengetahuan mengenai keberadaan dan undang-undang di Malaysia.

"Apabila kita tengok daripada hujah diberikan, memang tidak masuk akal. Setelah sekian lama Malaysia terbentuk, ramai yang masih tidak faham tentang keberadaan negara termasuklah fungsi dan peranan bahasa Melayu sebagai bahasa negara.

"Bukan tidak boleh wujudkan bahasa lain tetapi ada syaratnya. Mengikut Undang-Undang Kecil (UUK) Iklan (Wilayah Persekutuan) 1982, hanya bahasa Melayu sahaja boleh wujud bersendirian, yang lain boleh tetapi mesti ada maklumat dalam bahasa Melayu.

"Jadi, saya kira sudah tiba masanya mereka insaf dan melakukan perkara yang betul. Itu sebabnya saya kata, kerakyatan golongan ini perlu dipersoalkan," katanya kepada *Sinar Harian*.

Kok Seong berkata, golongan yang mempertikaikan isu tersebut masih mempunyai mentaliti 'pendatang'.

"Kenapa saya cakap macam itu? Kerana sebagai rakyat Malaysia kita kena faham adanya dasar bahasa dan bahasa utama ialah bahasa Melayu, kedua bahasa Inggeris, kemudian barulah bahasa yang lain.

"Mereka kena patuh kepada resam di mana bumi dipijak di situ langit dijunjung. Ia bukan berkenaan 3R (kaum, agama, raja-raja)," ujarnya.

SINAR HARIAN
Tarikh: 27 NOV 2024

# 85% penjawat awam tandatangan SSPA

SH 27/11

## JPA perkasa sesi penerangan pastikan baki 15 peratus pilih opsyen tersebut

**PUTRAJAYA**

Sebanyak 85 peratus daripada 1.4 juta penjawat awam telah menandatangani opsyen Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) setakat ini, menjelang pelaksanaan sistem itu yang dijadualkan berkuat kuasa pada 1 Disember ini, kata Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar.

Beliau berkata, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sedang memperkasakan sesi penerangan untuk memastikan baki 15 peratus lagi penjawat awam memilih opsyen berkenaan.

"Dari segi peratusan, 85 peratus sudah setuju menandatangani SSPA. Yang baki (15 peratus), saya difahamkan JPA akan bekerja keras memberikan penerangan sebab ada yang masih tidak jelas disebabkan mereka terima maklumat tidak tepat yang diperoleh di media sosial," katanya.

Shamsul Azri berkata demikian kepada pemberita selepas menyampaikan ucaptama bertajuk 'Taat Setia Reformasi Penjawat Awam' pada Seminar Kenegaraan Malaysia Madani: Taat Setia anjuran Akademi Kenegaraan (AKAM) di sini pada Selasa.



SHAMSUL AZRI

Pada 13 September lepas, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA), Tan Sri Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz dilaporkan berkata, penjawat awam mempunyai tempoh opsyen selama 40 hari bermula 21 Oktober hingga 30 November ini untuk memilih sama ada SSPA atau kekal dengan Sistem Saraan Malaysia (SSM), sebelum ia berkuat kuasa 1 Disember ini.

Susulan itu, Shamsul Azri menasihatkan penjawat awam yang masih keliru mengenai manfaat SSPA agar tidak sewenang-wenangnya menerima maklumat yang diperoleh dari media sosial sebaliknya membuat rujukan dengan JPA.

"Sebab yang perkenalkan SSPA adalah JPA, maka rujuklah kepada JPA, dengarlah nasihat mereka, dan ikutlah sesi libat urus yang dijalankan oleh JPA," katanya.

Beliau mahu JPA dijadikan sebagai sumber rujukan yang sahih bagi kesemua penjawat awam di negara ini bagi mengelak sebarang kekeliruan yang boleh menghalang mereka daripada membuat pilihan yang tepat berkaitan opsyen SSPA.

Pada 12 November lepas, kerajaan mengambil inisiatif mewujudkan Pusat Panggilan Setempat SSPA sebagai platform untuk memberi penjelasan tepat bagi mengelakkan sebarang kekeliruan dalam kalangan penjawat awam berhubung sistem saraan baharu itu.

Sejak pengenalan SSPA melalui Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 2024 pada 13 September lepas, sebanyak 54 sesi libat urus telah dilaksanakan untuk memberikan penerangan mengenai sistem saraan itu.

Pengenalan SSPA adalah sebahagian daripada Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam yang lebih besar, bertujuan untuk mempertingkatkan kualiti perkhidmatan awam selain membantu mengurangkan kos sara hidup bagi pegawai awam.

Sistem saraan baharu ini dibangunkan sejajar dengan aspirasi kerajaan untuk meningkatkan kecekapan sektor awam, selaras dengan dasar Malaysia Madani. - *Bernama*

SINAR HARIAN
Tarikh: 27 NOV 2024

SH 27/11

# 60,000 kit makanan untuk mangsa bencana

Set makanan mampu bertahan selama 11 bulan dan sesuai dimakan terus tanpa perlu masak

Oleh MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR
KUALA SELANGOR



Aminuddin (tengah) menunjukkan kit makanan untuk mangsa bencana di seluruh negara.

KITA SELANGOR

Sebanyak 60,000 kit makanan diagihkan kepada Agensi Pengurusan Bencana Negara (Nadma) untuk diedarkan kepada mangsa dan petugas hadapan yang terlibat bencana di seluruh negara.

Pengerusi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Aminuddin Zulkipli berkata, setakat ini sebanyak 34,550 kit dan 15,000 set makanan sedia dimakan fasa pertama sudah diagihkan ke negeri berisiko tinggi termasuk di pantai timur Semenanjung.

Menurut beliau, kerjasama erat antara FAMA dan Nadma termasuk Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) menunjukkan kesediaan menangani krisis makanan ketika bencana.

"Ada beberapa cadangan dan saranan untuk ditambah baik dan selain memberi kit makanan, kita mungkin boleh memberi nasihat keselamatan kepada mangsa seperti mengedarkan risalah dalam bentuk kod QR dan sebagainya," katanya ditemui ketika Majlis Pelepasan Pengedaran Kit Bantuan Makanan Bencana Negara Monsun Timur Laut di Pusat Memproses Makanan FAMA, Tanjong Karang di sini pada Selasa.

Aminuddin berkata, negeri tertinggi yang menerima bekalan kit makanan antaranya Kelantan, Terengganu, Pahang, Sarawak dan Sabah.

"Buat masa ini, jumlah bekalan kit makanan mencukupi namun tetap bersedia dengan sebarang kemungkinan bergantung kepada tahap bencana yang dihadapi.

"Berdasarkan rekod sebelum ini, memang kita bersedia mencapai jumlah maksimum ditetapkan," tambahnya.

Katanya, semua kit makanan sesuai dimakan segera tanpa perlu memasak dan mampu bertahan dalam tempoh sekurang-kurangnya 11 bulan.

Dalam pada itu, Aminuddin katanya, pihaknya sudah bersiap sedia memastikan bekalan makanan seperti sayur, buah, ikan, daging dan ayam mencukupi sepanjang musim banjir.

Jelasnya, FAMA akan mengadakan kerjasama dengan agensi lain seperti Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) di setiap negeri.

SINAR HARIAN
Tarikh: 27 NOV 2024

SH
27/11

# Kuala Lumpur tangga ke-8 pilihan ekspatriat kerana kos sara hidup rendah

**KUALA LUMPUR** - Kuala Lumpur berada pada kedudukan kelapan daripada 49 bandar utama dunia untuk didiami warga asing bertaraf nilai tinggi atau ekspatriat.

Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, data itu dikeluarkan oleh *The Expat City Ranking 2023*.

Menurutnya, antara tarikan utama bagi ekspatriat di Malaysia ialah kos sara hidup yang rendah di samping kestabilan politik.

"Ketiga, mereka melihat potensi kerancakan ekonomi. Selain itu, kemahiran dalam kalangan rakan sekerja tempatan. Mereka mudah berkomunikasi kerana penguasaan bahasa dan faktor-faktor ini menyumbang kepada Malaysia pada ranking kelapan tahun lepas," katanya di Dewan Rakyat.



Beliau menjawab soalan **Datuk Mohd Shahar Abdullah (BN-Paya Besar)** tentang jumlah dan peratusan ekspatriat yang berhijrah ke Malaysia mengikut pecahan negara dan nilai sumbangan ekonomi mereka dari tahun 2019 hingga 2023.

Tambah Saifuddin, sehingga 31 Oktober, terdapat 120,183 pegawai ekspatriat dengan lima negara tertinggi, melibatkan semua kategori termasuk bidang perkhidmatan dan teknologi maklumat.

"Ekspatriat dari China berjumlah 27,460 orang, diikuti India (23,131), Filipina (9,302), Jepun (8,739), Indonesia (8,333), merangkumi 64 peratus daripada keseluruhan ekspatriat.

"Selebihnya iaitu lain-lain negara adalah 36 peratus daripada 120,183 orang," jelasnya.

Kata Saifuddin, ada tiga kategori pegawai ekspatriat atau pegawai dagang mengikut tangga gaji, iaitu pertama RM10,000 ke atas, kedua gaji RM5,000 hingga RM9,999 ke atas dan ketiga RM3,000 hingga RM4,999.

"Impak ekonomi pula, secara langsung atau tidak langsung mereka membayar cukai kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri, tinggal di sini, anak mereka bersekolah, melancong, perbelanjaan domestik, bayar bil utiliti dan melabur.

"Jadi, kayu ukurnya ada dua. Pertama, Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) menganggarkan sumbangan impak ekonomi keberadaan pegawai ekspatriat di negara kita ialah RM75 bilion, menyamai 4.8 peratus daripada keseluruhan KDNK negara.

"Kayu ukur yang kedua adalah Lembaga Hasil Dalam Negeri yang mengumpul sehingga RM100 juta cukai pendapatan daripada kelompok ini," katanya.

**BANDAR RAYA PILIHAN EKSPATRIAT DUNIA**

**Terbaik**
1. Malaga, Sepanyol
2. Alicante, Sepanyol
3. Valencia, Sepanyol
4. Ras Al-Khaimah, UAE
5. Abu Dhabi, UAE
6. Madrid, Sepanyol
7. Mexico City, Mexico
8. KUALA LUMPUR, MALAYSIA
9. Bangkok, Thailand
10. Muscat, Oman

**Tercorot**

40. Seoul, Korea Selatan
41. Paris, Perancis
42. London, United Kingdom
43. Istanbul, Turkiye
44. Dublin, Ireland
45. Berlin, Jerman
46. Hamburg, Jerman
47. Vancouver, Kanada
48. Rom, Itali
49. Milan, Itali

*Sumber: The Expat City Ranking 2023*

SINAR HARIAN
Tarikh: 27 NOV 2024

# 688,000 tiada rumah sendiri

## Majoriti penjawat awam terlibat adalah kumpulan pelaksana

KUALA LUMPUR

Seramai 688,663 daripada 1.3 juta penjawat awam yang masih berkhidmat atau 52.95 peratus masih belum memiliki rumah, dengan majoritinya adalah dalam kalangan kumpulan pelaksana iaitu 431,277 orang.

Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek berkata, angka tersebut berdasarkan data semasa pemilikan rumah dalam kalangan penjawat awam dan pesara.

Beliau berkata, Jawatankuasa Khas Tertinggi Perumahan Penjawat Awam Malaysia (JKT PPAM) pada 22 Jun 2024 telah bersetuju supaya permohonan rumah PPAM dikhususkan kepada penjawat awam yang berjawatan tetap atau kontrak dan pesara sahaja, khasnya mereka yang berpendapatan rendah dan sederhana.

"Walaupun anak kepada penjawat awam atau anak pesara tidak layak memohon rumah PPAM, namun mereka masih berpeluang menjadi pemilik bersama rumah PPAM yang ditawarkan kepada ibu bapa mereka yang merupakan penjawat awam atau pesara.



FADHLINA

"Penjawat awam yang telah menerima manfaat melalui inisiatif PPAM adalah tertakluk kepada sekatan moratorium iaitu rumah PPAM yang dibeli tidak dibenarkan dijual dan dipindah milik selama 10 tahun bermula dari tarikh perjanjian jual beli ditandatangani," katanya di Dewan Rakyat pada Selasa.

Beliau berkata demikian ketika mewakili Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa, menjawab soalan tambahan **Roslan Hashim (PN-Kulim Bandar Baharu)** tentang sama ada anak pesara dan penjawat awam lantikan kontrak masih dibenarkan untuk memiliki unit PPAM.

Tambah Fadhlina, kerajaan melaksanakan program PPAM untuk membantu penjawat awam khasnya yang berpendapatan rendah dan sederhana memiliki rumah di seluruh negara terutama di bandar-bandar utama.

Melalui inisiatif PPAM, sehingga kini seramai 36,479 penjawat awam telah menandatangani perjanjian jual beli.

Jelasnya, daripada jumlah tersebut, 87 peratus pembeli iaitu 31,942 orang adalah penjawat awam berpendapatan di bawah RM5,000 sebulan.

"Data ini menunjukkan bahawa kumpulan penjawat awam yang disasarkan telah menerima manfaat dan faedah daripada pelaksanaan program PPAM.

"Dalam Belanjawan 2025, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM466,657,200 bagi meneruskan program PPAM di seluruh negara. Penyediaan rumah PPAM ini akan dilaksanakan melalui kerjasama awam-swasta agar sumber negara yang ada dapat digunakan secara optimum," katanya.

SINAR HARIAN
Tarikh: 27 NOV 2024

# Beroperasi secara terbuka, spa kecantikan semakin berani



KLINIK estetik yang menawarkan prosedur dan rawatan kecantikan perlu berdaftar dengan Kementerian Kesihatan sebelum boleh beroperasi.

**PETALING JAYA** – Orang ramai berisiko mengalami kerugian wang ringgit selain kecacatan kekal sekiranya mendapatkan perkhidmatan perubatan estetik di premis tidak berdaftar dengan Kementerian Kesihatan (KKM).

Pengarah Bahagian Amalan Perubatan, Dr. Mohamed Iqbal Hamzah berkata, orang awam juga perlu tahu untuk membezakan antara klinik estetik dan pusat kecantikan sebelum mendapatkan rawatan.

Katanya, klinik estetik bertauliah mestilah berdaftar dengan KKM, manakala spa atau pusat kecantikan pula merupakan perniagaan yang berdaftar di bawah Pihak Berkuasa Tempatan.

"Bagaimanapun, kini terdapat banyak spa yang semakin berani menyediakan prosedur-prosedur estetik yang boleh membahayakan orang awam.



DR. MOHAMED IQBAL

"Untuk membuka klinik estetik, pemilik mestilah memastikan Person in Charge (orang yang bertanggung jawab) merupakan pengamal perubatan ataupun doktor yang mempunyai Letter of Credentialing and Privileging (LCP) untuk menyediakan perkhidmatan estetik," katanya kepada *Kosmo!* di sini baru-baru ini.

Dr. Mohamed Iqbal mengakui, pusat kecantikan juga dilihat semakin berani beroperasi kerana setakat ini tindakan undang-undang terhadap mereka agak terhad.

"Walaupun semakin banyak pusat kecantikan yang menyediakan perkhidmatan haram ini beroperasi secara terang-terangan, majoriti masih menjalankannya secara bersembunyi," ujarnya.

Selain itu katanya, kewujudan klinik estetik tidak berdaftar ini secara tidak langsung menambah beban kepada sistem penjagaan kesihatan negara.

KOSMO
27 NOV 2024
Tarikh: ..........................

# 688,663 penjawat awam belum miliki kediaman sendiri

Kosmo 27/11

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI



SEBANYAK 52.95 peratus penjawat awam belum memiliki rumah dengan majoritinya daripada kumpulan pelaksana. – GAMBAR HIASAN

**KUALA LUMPUR** – Sebanyak 52.95 peratus atau seramai 688,663 orang daripada 1.3 juta penjawat awam di seluruh negara belum memiliki rumah.

Menteri Wilayah Persekutuan, Dr. Zaliha Mustafa berkata, daripada jumlah itu, majoriti yang belum memiliki kediaman dalam kalangan kumpulan pelaksana iaitu sejumlah 431,277 orang.

Menurutnya, berdasarkan angka terkini, terdapat kira-kira 1,300,680 juta penjawat awam masih berkhidmat, manakala 950,356 telah bersara.

"Jawatankuasa Khas Tertinggi Perumahan Penjawat Awam Malaysia (JKT PPAM) pada 22 Jun lalu telah bersetuju supaya permohonan rumah PPAM dikhususkan kepada penjawat awam berjawatan tetap atau kontrak dan pesara sahaja khasnya mereka berpendapatan rendah dan sederhana.

"Walaupun anak kepada penjawat awam atau anak pesara tidak layak memohon rumah Perumahan Penjawat Awam Malaysia (PPAM), namun mereka masih berpeluang menjadi pemilik bersama rumah PPAM yang ditawarkan kepada ibu bapa mereka yang merupakan penjawat awam atau pesara," katanya.

Jawapan kepada soalan dikemukakan Roslan Hashim **(PN-Kulim Bandar Baharu)** dibacakan Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek di Dewan Rakyat semalam.

Dr. Zaliha berkata, permohonan PPAM terbuka untuk penjawat awam lantikan tetap atau kontrak yang berkhidmat dengan kerajaan Persekutuan dan negeri, pihak berkuasa negeri, pihak berkuasa tempatan, badan berkanun persekutuan dan badan berkanun negeri serta diperluaskan pesara kerajaan.

"Penjawat awam yang telah menerima manfaat melalui inisiatif PPAM adalah tertakluk kepada sekatan moratorium iaitu rumah PPAM yang dibeli itu tidak dibenarkan dijual dan dipindah milik selama 10 tahun bermula dari tarikh Perjanjian Jual Beli ditandatangani," katanya.

KOSMO
Tarikh: 27 NOV 2024

# Putrajaya FOI, platform himpunan idea inovatif

kosmo 27/11

**PUTRAJAYA** – Festival Idea Putrajaya (Putrajaya FOI) yang berlangsung bermula hari hingga Jumaat, dijangka menjadi medan utama untuk membincangkan isu-isu semasa dengan pendekatan inovatif dan strategik.

Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dalam kenyataan memaklumkan, festival itu akan menghimpunkan lebih 80 tokoh ternama termasuk pemimpin, pakar bidang, ahli akademik, dan pemain industri melalui forum dan sidang selari menerusi Sidang Idea Malaysia (MyIDEAS).

Katanya, penganjuran ini bertujuan untuk memberi tumpuan kepada idea baharu serta penyelesaian terhadap cabaran global dan tempatan.

Jelasnya, lima forum utama akan diadakan sepanjang program ini, dengan fokus pada pengenalan idea, kisah kejayaan dan reformasi perkhidmatan awam.

"Forum-forum ini akan menjadi ruang perbincangan yang dinamik untuk merangka solusi terhadap cabaran negara.

"Turut bakal berlangsung, 10 sidang selari dengan menyentuh topik berkaitan ekonomi, pendidikan, diplomasi antarabangsa, kesihatan, Kecerdasan Buatan (AI), TVET, transformasi pendigitalan, keterjaminan makanan, kelestarian alam serta konteks Madani," katanya semalam.

Antara kemuncak acara ialah Putrajaya FOI Talk yang mana Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim akan membincangkan topik bertemakan 'Idea Anak Muda Malaysia' bersama dua panel lain sebelum merasmikan program pada esok.

Dalam pada itu ujarnya, Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah turut berkenan menyampaikan Titah Diraja di Putrajaya FOI pada hari terakhir festival berkenaan.

Pelbagai tokoh terkenal akan turut serta sebagai panel atau moderator antaranya, Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil; Menteri Belia dan Sukan, Hannah Yeoh; Ketua Pegawai Eksekutif Capital A, Tan Sri Tony Fernandes serta Pengerusi Ikhlas Capital, Tan Sri Nazir Tun Razak.

KPT berkata, penganjuran program berprestij ini sebagai usaha signifikan bagi memartabat pendidikan tinggi serta memperkukuh imej Malaysia sebagai pusat kecemerlangan wacana intelektual dan inovasi.

KOSMO
Tarikh: 27 NOV 2024

Penguatkuasaan premis tidak utama bahasa kebangsaan

# DBP sokong tindakan DBKL

## Agensi sedia bekerjasama dengan peniaga pastikan iklan patuhi peraturan

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi, Ilah Hafiz Aziz dan Mohammad Noh Othman
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Perkataan dalam bahasa kebangsaan hendaklah diberikan keutamaan dari segi saiz dan kedudukan dalam mana-mana papan tanda atau iklan seperti ditetapkan undang-undang kecil pihak berkuasa tempatan (PBT).

Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dalam kenyataan semalam berkata, mengikut Undang-Undang Kecil Iklan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 1982, semua iklan hendaklah di dalam bahasa kebangsaan dan penggunaan bahasa asing dalam satu papan tanda atau iklan yang sama tidak dilarang sama sekali.

Sehubungan itu, DBP turut menyokong sepenuhnya tindakan penguatkuasaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) terhadap pemilik premis yang mempamerkan iklan tanpa lesen yang sah serta tidak mengutamakan bahasa kebangsaan pada papan tanda iklan.

"Pemilik premis pastinya mengambil maklum akan undang-undang itu apabila memperbaharui lesen perniagaan pada setiap tahun.

"Amat mendukacitakan apabila pelanggaran terhadap undang-undang ini dibuat secara terang-terangan dengan pelbagai alasan, malah terdapat segelintir pemilik premis berani menaikkan iklan yang tidak langsung menggunakan bahasa kebangsaan dan beroperasi tanpa lesen yang sah," katanya.



Radzuan Ibrahim

Isu papan tanda dan iklan berbangkit selepas Menteri Pelancongan, Datuk Seri Tiong King Sing dalam kenyataannya mempertikai tindakan penguatkuasaan mengenai peraturan papan tanda dwibahasa oleh DBKL.

Beliau mendakwa, tindakan itu mengakibatkan tindak balas emosi dan melampaui batas sehingga menimbulkan rasa tidak puas hati, selain wujud persepsi negatif dalam kalangan pelancong yang mempersoalkan tindakan itu.

DBP dalam kenyataannya semalam juga berkata, warganegara yang bertanggungjawab, seharusnya menghormati dan mematuhi undang-undang yang ditetapkan.

"Tindakan ini selaras dengan salah satu prinsip Rukun Negara, iaitu Kedaulatan Undang-undang. Kegagalan untuk mematuhi peraturan ini bukan sahaja mencabuli undang-undang, tetapi juga menunjukkan pengabaian terhadap tanggungjawab kita sebagai rakyat," katanya.

Jelasnya, dalam konteks kepelbagaian budaya di Malaysia, pematuhan undang-undang memainkan peranan penting dalam memastikan perpaduan dan keharmonian antara kaum di negara ini.

"DBP bersedia bekerjasama dengan peniaga untuk memastikan iklan mereka mematuhi peraturan ini.

"DBP juga bersedia memberikan panduan dan sokongan kepada peniaga dalam proses ini melalui perkhidmatan pengesahan penggunaan bahasa kebangsaan pada paparan iklan (papan iklan luar, papan premis, iklan tiang, gegantung, pelabelan, iklan badan kenderaan, risalah dan poster)," katanya.

Perkhidmatan ini juga katanya, boleh dicapai secara dalam talian melalui Sistem DBP Sah Bahasa (dbpsahbahasa.my) dan Khidmat Nasihat Dewan Bahasa dan Pustaka (KNDBP).

DBP dalam kenyataan semalam turut menegaskan tindakan penguatkuasaan peraturan papan tanda yang dijalankan di sekitar ibu negara baru-baru ini bertujuan memastikan premis perniagaan mematuhi undang-undang kecil ditetapkan.

### Perkasa peranan DBP

Sementara itu, Presiden Persatuan Pemuisi Nasional Malaysia (PEMUISI), Datuk Dr Radzuan Ibrahim, menggesa kerajaan memperkasakan peranan DBP supaya mempunyai 'taring' untuk bertindak menangani kesalahan bahasa dengan lebih berkesan.

"DBP memerlukan 'taring' untuk bertindak menangani kesalahan bahasa dengan lebih berkesan. 'Taring' atau kuasa khusus dalam menangani dan menguatkuasakan kesalahan bahasa amat diperlukan dan tidaklah sekadar memberi nasihat sahaja seperti amalan sekarang yang terbukti tidak berkesan," katanya dalam kenyataan, di sini semalam.

Radzuan berkata, pihak mempertikaikan langkah penguatkuasaan DBKL adalah tidak bertanggungjawab dan tidak memahami peruntukan undang-undang serta peraturan berkenaan penggunaan bahasa kebangsaan di papan tanda terletak di kawasan PBT.

Selain itu, bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ismail Sabri Yaakob, mencadangkan PBT menggunakan bahasa Melayu sepenuhnya dan menguatkuasakan undang-undang serta tidak lagi bertolak ansur dengan pihak yang meremehkan penggunaan bahasa Melayu.

Beliau berkata, kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dimantapkan dengan Akta Bahasa Kebangsaan 1967, menyebabkan tidak berlaku pilihan untuk tidak menggunakan Bahasa Persekutuan itu pada papan tanda atau dalam urusan di negara ini.

"Kita sudah merdeka lebih setengah abad dan tidak sewajarnya kita masih terperangkap dalam retorik pertikaian bahasa ini kerana ia sudah jelas bahasa Melayu adalah bahasa rasmi Malaysia," katanya dalam satu kenyataan, di sini semalam.

BERITA HARIAN
Tarikh 27 NOV 2024



*Fadhlina ketika menjawab bagi pihak Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) di Dewan Rakyat, semalam.* (Foto BERNAMA)

# 688,663 penjawat awam masih belum ada rumah sendiri

## Kerajaan peruntuk lebih RM466j teruskan pelaksanaan program PPAM di seluruh negara

Oleh Muhammad Yusri Muzamir
yusri.muzamir@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Seramai 688,663 orang daripada 1.3 juta penjawat awam yang masih dalam perkhidmatan, dikesan belum memiliki rumah sendiri dengan majoriti mereka adalah kumpulan pelaksana yang membabitkan 431,277 petugas.

Menyedari situasi itu, Jawatankuasa Khas Tertinggi Perumahan Penjawat Awam (JKT PPAM) pada 22 Jun lalu, bersetuju supaya permohonan rumah di bawah program Perumahan Penjawat Awam Malaysia (PPAM) dikhususkan kepada penjawat awam lantikan tetap atau kontrak dan pesara sahaja, terutama yang berpendapatan rendah dan sederhana.

Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek, ketika menjawab bagi pihak Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) di Dewan Rakyat semalam, memaklumkan kerajaan melaksanakan program PPAM bagi membantu penjawat awam, khasnya berpendapatan rendah dan sederhana memiliki rumah di seluruh negara, terutama bandar utama.

Beliau berkata, sehingga kini, 36,479 penjawat awam sudah menandatangani Perjanjian Jual Beli menerusi inisiatif PPAM dengan 87 peratus atau 31,942 pembeli adalah kakitangan kerajaan dengan pendapatan bulanan RM5,000 ke bawah.

"Data ini menunjukkan kumpulan penjawat awam yang disasarkan sudah menerima manfaat dan faedah daripada pelaksanaan program PPAM.

"Dalam pembentangan Belanjawan 2025, kerajaan memperuntukkan lebih RM466 juta bagi meneruskan pelaksanaan program PPAM di seluruh negara.

"Penyediaan rumah PPAM ini akan dilaksanakan melalui kerjasama awam-swasta agar sumber negara yang ada dapat digunakan secara optimum," katanya.

Fadhlina berkata, biarpun anak kepada penjawat awam atau pesara tidak layak memohon rumah PPAM, namun mereka masih berpeluang menjadi pemilik bersama kediaman yang ditawarkan kerajaan kepada ibu bapa masing-masing.

**36,479 penjawat awam**

tandatangani Perjanjian Jual Beli menerusi inisiatif PPAM

Katanya, penjawat awam yang menerima manfaat melalui inisiatif PPAM adalah tertakluk kepada sekatan moratorium, iaitu rumah yang dibeli tidak dibenarkan dijual dan dipindah milik selama 10 tahun, mulai dari tarikh Perjanjian Jual Beli ditandatangani.

### Tempoh duduk kuarters

Ketika menjawab soalan asal Roslan Hashim (PN-Kulim Bandar Bharu) yang bertanyakan sama ada kerajaan akan memperkenalkan *exit policy* kepada penghuni kuarters di Dewan Rakyat semalam, Fadhlina berkata, Bahagian Pengurusan Hartanah (BPH) meneliti cadangan menetapkan dasar baharu berkaitan tempoh menduduki kuarters kerajaan atau *exit policy*.

Beliau berkata, dasar itu sekiranya ingin dirangka, tidak seharusnya dilaksanakan secara simplistik seperti hanya menetapkan tempoh maksimum 10 tahun untuk penghuni.

"Cadangan penetapan dasar baharu itu dijangka merangkumi pertimbangan khas bagi penghuni yang mempunyai keperluan tertentu.

"Keperluan tertentu itu membabitkan faktor kesihatan atau perancangan untuk bersara dan kembali ke kampung. Golongan berkenaan wajar diberi kelonggaran untuk terus mendiami kuarters tanpa had masa tertentu," katanya.

BERITA HARIAN
Tarikh 27 NOV 2024

# 200,000 penjawat awam belum tandatangan SSPA

**Putrajaya:** Sebanyak 15 peratus atau kira-kira 200,000 penjawat awam belum menandatangani persetujuan memilih Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) walaupun tempoh opsyen selama 40 hari yang diberikan untuk mereka berbuat akan berakhir dalam tempoh empat hari lagi iaitu 30 November ini.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar, berkata ketika ini Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sedang bertungkus-lumus memastikan baki 15 peratus penjawat awam terbabit turut bertukar ke skim baharu berkenaan.

"Dari segi peratusan, 85 peratus sudah setuju menandatangani opsyen SSPA dan baki 15 peratus lagi, saya difahamkan JPA sedang membuat penerangan sebab mungkin masih ada yang kurang jelas mengenai skim ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas menghadiri Seminar Kenegaraan Malaysia MADANI: Taat Setia, yang turut dihadiri Ketua Setiausaha (KSU) kementerian serta ketua perkhidmatan di sini, semalam.

Media sebelum ini melaporkan pegawai awam mempunyai tempoh opsyen selama 40 hari bermula 21 Oktober lalu hingga 30 November ini untuk memilih sama ada beralih kepada SSPA atau kekal dalam Sistem Saraan Malaysia (SSM), sebelum ia berkuat kuasa 1 Disember ini.

## Semai sikap taat setia

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA), Tan Sri Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz, dilaporkan berkata, pelaksanaan SSPA tidak akan menjejaskan pencen pegawai awam yang berstatus tetap dan pelarasan gaji baharu hanya terpakai kepada pegawai awam yang memilih opsyen SSPA sahaja.


Shamsul Azri Abu Bakar

Beliau dilaporkan berkata, dengan pelaksanaan SSPA, kerajaan berharap agar aspirasi reformasi perkhidmatan awam akan terus diperkasakan dengan menyemai sikap taat setia dalam kalangan pegawai awam serta mampu memberikan khidmat yang terbaik dalam memacu kesejahteraan negara dan rakyat secara keseluruhannya.

Ditanya mengapa masih ada yang masih belum menandatangani opsyen berkenaan, Shamsul Azri berkata, ada segelintir penjawat awam masih kurang jelas mengenai skim terbabit disebabkan maklumat tidak tepat di media sosial.

"Ikutlah jalan yang lurus, maksudnya kalau yang memperkenalkan SSPA itu adalah JPA, ikutilah sesi libat urus oleh JPA, jangan dengar cakap kawan di media sosial.

"Jadi dengarlah nasihat, ikut nasihat JPA sebab kalau dengar cakap kawan, kawan itu pun tak kerja kerajaan, macam mana dia nak faham," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan juga, Shamsul Azri menggesa semua penjawat awam menerapkan sifat bangga berada dalam perkhidmatan awam supaya dapat melaksanakan tugas dengan penuh integriti dan dedikasi.

Beliau berkata, apabila penjawat awam berbangga dengan pekerjaan yang mereka lakukan, mereka dapat menyampaikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat.

"Kalau kita tidak berbangga dengan pekerjaan kita, macam mana kita nak memberikan perkhidmatan yang terbaik? Jadi, kita mesti bangga dengan pekerjaan kita dan berbangga dengan perkhidmatan kita (berikan kepada rakyat).

"Jangan malu pakai baju kerajaan, kalau ada baju JPA (Jabatan Perkhidmatan Awam) kemudian simpan, kalau ada baju JPJ (Jabatan Pengangkutan Jalan) kemudian simpan.

"Saya sendiri kalau dapat baju agensi kerajaan, saya sudah mula pakai," katanya.

Terdahulu, dalam ucapannya, Shamsul Azri mengingatkan penjawat awam supaya memahami tugas untuk berkhidmat kepada semua rakyat tanpa mengira latar belakang.

Jelasnya, ia adalah satu manifestasi daripada prinsip keadilan dan kesaksamaan yang tertera dalam Perlembagaan Persekutuan.

"Komitmen kita kepada negara dan raja haruslah ditunjukkan melalui tindakan yang menepati nilai-nilai ini.

"Dalam menjalankan tanggungjawab kita, marilah kita sentiasa berpegang kepada prinsip integriti dan profesionalisme.

"Taat setia kita kepada pemimpin negara tidak hanya terhad kepada arahan, tetapi juga kepada visi dan misi untuk memajukan negara ke arah yang lebih baik," katanya.

Dalam pada itu, beliau menyasar seramai 750,000 penjawat awam akan menjalani Modul Latihan Malaysia MADANI menjelang 2026.

"Setakat ini, lebih 250,000 penjawat sudah menjalani modul terbabit sama ada di bawah kelolaan Akademi Kenegaraan Malaysia atau Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)," katanya.

BERITA HARIAN
Tarikh 27 NOV 2024

# 85 peratus penjawat pilih SSPA - Shamsul Azri

um 27/11

Oleh MOHD. HUSNI MOHD. NOOR
utusannews@mediamulia.com.my

**PUTRAJAYA:** Sebanyak 85 peratus penjawat awam telah bersetuju dan menandatangani opsyen Skim Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) setakat semalam.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar berkata, beliau difahamkan, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) akan sedaya upaya memberi penerangan bagi memastikan kesemua penjawat awam memilih opsyen itu.

Beliau berkata, pihaknya dimaklumkan masih ada penjawat awam yang masih tidak jelas dengan skim berkenaan.

"Ia disebabkan ada info tidak tepat yang disebarkan di media sosial," katanya ketika ditemui selepas menyampaikan ucaptama pada Seminar Kenegaraan Malaysia Madani: Taat Setia di sini semalam.

Ditanya punca masih ada penjawat awam yang enggan menandatangani opsyen itu, Shamsul berkata, perkara itu bukan disebabkan salah faham sebaliknya ada penjawat awam yang merujuk sumber tidak sah.



**SHAMSUL Azri Abu Bakar ketika mengikuti bacaan ikrar pada Seminar Kenegaraan Malaysia MADANI: Taat Setia di Dewan Damarsari Putrajaya semalam. - UTUSAN/FAIZ ALIF ZUBIR**

"Kalau yang memperkenalkan SSPA itu JPA, ikutlah portal JPA dan dengarlah nasihat JPA serta ikutlah sesi lihat urus oleh JPA.

"Jangan dengar cakap kawan-kawan dekat media sosial. Kerana kawan-kawan dekat media sosial ni tidak kerja kerajaan pun. Macam mana dia nak faham," katanya.

JPA mula membuka opsyen menandatangani SSPA bermula 21 Oktober lalu hingga 30 November ini dan tawaran itu terbuka kepada semua pegawai awam bertaraf tetap bagi menggantikan Sistem Saraan Malaysia (SSM).

SSPA adalah inisiatif pembaharuan dalam perkhidmatan awam seiring dengan aspirasi membangun Malaysia MADANI.

Sebelum ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan pelarasan gaji sebanyak 15 peratus kepada pegawai Kumpulan Pelaksana dan pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta tujuh peratus kepada pegawai Kumpulan Pengurusan Tertinggi (KPT).

Pelarasan gaji akan dilaksanakan secara berfasa iaitu pada 1 Disember 2024 bagi Fasa 1 dan pada 1 Januari 2026 bagi Fasa 2.

Sementara itu, Shamsul Azri merayu kepada seluruh penjawat awam supaya berbangga bergelar 'orang kerajaan'.

Menurutnya, jika penjawat awam tidak berbangga dengan pekerjaan mereka, bagaimana mereka mahu memberi perkhidmatan terbaik kepada rakyat.

"Kita mesti berbangga dengan perkhidmatan kita. Dan untuk kita berbangga dengan perkhidmatan kita, kita kena ada sifat luhur iaitu memuliakan perkhidmatan kita.

"Cara nak memuliakan perkhidmatan kita ialah dengan memberi perkhidmatan terbaik, penuh integriti dan dedikasi," katanya.

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: 27 NOV 2024

# FOI Putrajaya 2024 tawar 10,000 peluang pekerjaan

UM 27/11

Oleh KAMARIAH KHALIDI
utusannews@mediamulia.com.my



DR. Zambry Abdul Kadir ketika meninjau persiapan Festival Idea Putrajaya di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) semalam – UTUSAN/FAISOL MUSTAFA

**PUTRAJAYA:** Karnival Kerjaya Madani yang dianjurkan sempena Festival Idea Putrajaya (FOI) 2024 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) selama tiga hari bermula semalam sehingga Jumaat menawarkan 10,000 peluang pekerjaan.

Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr. Zambry Abdul Kadir berkata, FOI Putrajaya 2024 yang diselaraskan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) mendapat kerjasama daripada Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) bagi membuka peluang kepada pencari kerja khususnya dalam kalangan lepasan universiti, politeknik serta kolej komuniti.

"Sebanyak 10,000 peluang pekerjaan ditawarkan kepada pencari kerja. Jadi saya ingin menjemput orang ramai khususnya anak-anak muda yang baru keluar universiti, politeknik dan kolej komuniti untuk hadir.

"Ini kesempatan untuk kita datang dan meninjau atau mencari peluang-peluang yang ada sempena Festival Idea," katanya ketika ditemui selepas meninjau persiapan program FOI Putrajaya 2024 di PICC semalam.

Zambry menjangkakan kira-kira 250,000 pengunjung akan hadir sepanjang tiga hari program itu berlangsung.

Beliau juga yakin sasaran tersebut mampu dicapai berdasarkan pengisian-pengisian program menarik yang ditawarkan termasuk 10,000 peluang pekerjaan.

"Kita jangkakan sekitar 250,000 pengunjung yang akan datang tapi dengan perkembangan-perkembangan terkini, saya jangkakan mungkin lebih dari itu," katanya.

Selain forum keilmuan, FOI Putrajaya 2024 turut membawa pelbagai pameran produk inovasi dan penyelidikan IPT, kisah kejayaan Idea Malaysia, program silang budaya melibatkan pelajar tempatan dan antarabangsa serta perkongsian mengenai isu semasa.

Sementara itu, para pelajar khususnya di institusi pengajian tinggi (IPT) diingatkan supaya mengelak daripada melakukan aktiviti luar terutamanya rekreasi air susulan fenomena Monsun Timur Laut (MTL).

Zambry berkata, pihaknya menyerahkan kepada pengurusan IPT masing-masing bagi membuat pertimbangan dalam mengambil langkah berjaga-jaga yang diperlukan sepanjang musim tersebut.

"Saya ingin mengingatkan semua, ketika musim tengkujuh ini khususnya (pusat pengajian) yang terletak di kawasan Pantai Timur, langkah-langkah (berjaga-jaga) hendaklah dibuat di peringkat IPT termasuk politeknik dan kolej komuniti.

"Selain langkah-langkah yang diambil oleh pihak institusi, kita juga menasihati para pelajar supaya mengambil langkah perlu. Saya harap ia tidak akan menimbulkan masalah dalam kalangan mereka nanti sepanjang musim ini," katanya.

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: 27 NOV 2024

# Kelantan luluskan Enakmen Kawalan Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan 2024

um 27/11

**KOTA BHARU:** Dewan Undangan Negeri (DUN) Kelantan meluluskan dengan sebulat suara Rang Undang-Undang (RUU) Enakmen Kawalan Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan 2024 bagi menggantikan Enakmen Kawalan Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan 1998.

Enakmen baharu itu dibentangkan Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar negeri, Hilmi Abdullah pada Persidangan Kali Ketiga (Belanjawan) Bagi Tempoh Penggal Kedua DUN Kelantan Ke-15 Tahun 2024.

RUU berkenaan dibahaskan oleh beberapa Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) diikuti penggulungan oleh Hilmi serta Timbalan Menteri Besar, Datuk Dr. Mohamed Fadzli Hassan sebelum dibaca buat kali kedua dan ketiga.

Seterusnya Enakmen Kawalan Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan 2024 diluluskan dengan sebulat suara di hadapan Timbalan Speaker DUN Kelantan, Datuk Mohamed Fared Mohamed Zawawi.

Dalam ucapan pembentangannya, Hilmi menjelaskan, Enakmen Kawalan Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan 1998, digubal dan diluluskan pada November 1998 bagi menggantikan Ordinan Panggung Wayang dan Tempat-Tempat Hiburan 1955 (Perluasan Kepada Kelantan).

Menurutnya, sejak dikuatkuasakan bermula 15 Jun 1999, tiada sebarang pindaan atau penambahbaikan dibuat sepanjang 26 tahun, maka banyak kelompangan dikesan yang menimbulkan kesulitan dari pada segi pelaksanaannya.

"Bermula tahun lepas, jawatankuasa induk dan teknikal ditubuhkan bagi mengkaji pelaksanaan enakmen berkenaan dan mendapati adalah lebih baik untuk satu Enakmen Kawalan Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan baharu digubal.

"Penggubalan enakmen baharu ini selari dengan hasrat pihak berkuasa negeri untuk menukar pegawai pelesen hiburan daripada Ketua Jajahan kepada Yang Dipertua (YDP) pihak berkuasa tempatan (PBT)," katanya semasa berucap pada Persidangan DUN Kelantan di Kompleks Kota Darulnaim, di sini semalam.

ADUN Guchil itu berkata, enakmen baharu turut digubal dengan mengambil kira perubahan masa, memastikan tiada lagi kelompangan undang-undang dan menjamin pelaksanaan efektif tanpa meninggalkan nilai-nilai Islam dalam hiburan.

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kelantan kali ke-8/2024 yang bersidang pada 8 Mei lalu, meluluskan RUU Kawalan Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan (Kelantan) 2024 untuk dibentangkan dalam persidangan DUN.

"Ia mempunyai enam bahagian terdiri daripada 48 seksyen dan satu jadual," ujarnya.

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: 27 NOV 2024

# 24-hour Perkeso coverage a step in the right direction

22/11 NST.

**KUALA LUMPUR:** The country's largest employer and employee groups have welcomed Socso's (Perkeso) 24-hour coverage plan, describing it as a progressive move.

Malaysian Trades Union Congress (MTUC) president Mohd Effendy Abdul Ghani said the plan reflects a commitment to enhancing worker wellbeing by offering a robust safety net that extends beyond traditional coverage.

"By addressing the realities of modern work-life dynamics, this initiative provides peace of mind to workers and their families," he told the *New Straits Times*.

"While it may involve additional contributions, the long-term benefits of greater security and stability for workers make this initiative a forward-thinking and necessary step."

Yesterday, Perkeso deputy chief executive officer of strategy and corporate Edmund Cheong said nearly nine million Malaysian workers could enjoy 24-hour coverage as early as the middle of next year.

Round-the-clock protection could be important for private sector workers, as many cannot afford to rely on their retirement savings in the event of an injury or disability outside of work.

Effendy said the plan could significantly ease the financial and emotional burden of unexpected accidents or injuries.

However, he said it was important to ensure that additional contributions are fair and do not disproportionately burden employers or employees.

The Malaysian Employers Federation (MEF) said the 24-hour coverage plan should ease the process of claiming benefits for an accident.

Its president, Datuk Dr Syed Hussain Syed Husman, said the extension would eliminate the task of determining whether an injury is work-related.

"MEF is of the view that the 24-hour coverage should also come with the policy of 'no-fault claim'. Under it, Perkeso should pay for benefits without examining the causes of such injury."

He also said that additional contributions towards the 24-hour coverage should be phased in gradually, with increases starting at 0.5 per cent and eventually rising to 1.25 per cent to ease the financial burden on employees.

Under the current scheme, he said, employers need to contribute 1.25 per cent of monthly wages to the agency.

Sunway University economics professor Dr Yeah Kim Leng said the 24-hour coverage plan can help prevent families from slipping into poverty as a result of a breadwinner's injury or death.

"Having a more comprehensive social protection system will enable the government to create a better, just and resilient society while improving wellbeing and peace of mind," he told the *New Straits Times*.

"While there are those who can afford private insurance schemes or have adequate savings, the majority of Malaysians are not equipped to cope with loss of employment and livelihoods."

Former member of parliament Charles Santiago said the 24-hour coverage was "much needed" given rising healthcare costs.

However, the former Klang MP, an advocate for social security protection, said he hoped there would be provisions in place to ensure people are still protected if they get sick after retiring.

"It is a gap that needs to be addressed."

NEW STRAITS TIMES
Tarikh: 27 NOV 2024

FLEXIBILITY OPTION

# New exit policy for govt quarters being reviewed



*Data shows that more than half of the 1.3 million civil servants who are still working do not own homes.* NSTP PIC BY MOHD FADLI HAMZAH

**KUALA LUMPUR:** Minister in the Prime Minister's Department (Federal Territories) Dr Zaliha Mustafa revealed yesterday that the government was reviewing plans to establish a new policy on the occupancy period of government quarters.

She said the latest data showed that more than half of the 1.3 million civil servants who were still working did not own homes.

"Currently, approximately 1,300,680 civil servants are still in service, while 950,356 have retired.

"Of the 1.3 million still serving, 688,663, or 52.95 per cent, do not yet own a home, with the majority 431,277 being from the implementation group.



*Dr Zaliha Mustafa*

"Based on current homeownership data on civil servants and retirees, the Special High-Level Committee in the Malaysia Civil Servants Public Housing Programme (PPAM) had agreed on June 22 that PPAM housing applications should be reserved for permanent or contract public servants and retirees, especially those with low and middle incomes."

Therefore, she said, the Property and Management Division under the Prime Minister's Department was reviewing plans to establish a new policy on the occupancy period.

"However, based on the discussions between the ministry and officials, it was concluded that the exit policy should not be implemented simplistically, such as merely imposing a maximum occupancy of 10 years for residents.

"Instead, special consideration should be given to residents with specific needs, such as health factors or plans to retire (early) and return to their hometowns.

"These groups should be given the flexibility to continue living in the quarters without a fixed period limit," she said during the Minister's Question Time.

Education Minister Fadhlina Sidek read the answers on behalf of Dr Zaliha.

She said this in response to Roslan Hashim (Perikatan Nasional-Kulim Bandar Baharu), who asked whether the government would introduce an exit policy for residents of government quarters and consider building more PPAM houses to encourage those who stayed in quarters for more than 10 years to own homes.

Dr Zaliha said while government quarters were for public officials in need, the General Order Chapter E of Government Houses and Office Buildings specified that the government provided housing only for those required to live near their workplace or in remote areas without private rental options.

"Currently, the existing priority policy gives special consideration to civil servants facing difficulties or those classified as persons with disabilities, allowing them to receive offers for government quarters earlier.

"Newly appointed young civil servants must wait their turn through the standard procedures in place."

She said the PPAM application was open to civil servants on permanent or contract appointments serving with the government, state government, state authorities, local authorities, federal statutory bodies and state statutory bodies.

She said the application had also been extended to retired government officers.

NEW STRAITS TIMES
Tarikh: ...27 NOV 2024.....

# Civil servants' exit policy for govt quarters under review

**Those with plans to retire, health conditions should be allowed flexibility to remain without fixed time limit , says minister**

**KUALA LUMPUR:** The proposal for a new policy on the duration of civil servants' occupancy in government quarters is currently under review by the Property Management Division, said Education Minister Fadhlina Sidek.

She said based on discussions between the minister in the Prime Minister's Department (Federal Territories) and the Property Management Division, if an exit policy for government quarters is introduced, it should not be overly simplistic by merely imposing a maximum 10-year limit for occupants.

"Instead, special consideration should be given to those with specific needs, such as health conditions or plans to retire and relocate to their hometowns. These individuals should be allowed flexibility to remain without a fixed time limit," she said in the Dewan Rakyat yesterday.

Fadhlina, representing the Prime Minister's Department (Federal Territories) minister, was responding to a question from Roslan Hashim (PN-Kulim Bandar Baharu) on whether the government would implement an exit policy for government quarters to encourage long-term occupants, particularly those who have stayed more than 10 years, to purchase homes, thus freeing up quarters for new civil servants and reducing rental costs

She said currently, the policy prioritises civil servants who are facing hardship, personal difficulties or those with disabilities for earlier access to government quarters.

She added that newly appointed young civil servants must wait their turn through the standard application process.

On the Malaysian Civil Servants Housing Scheme, Fadhlina said 36,479 civil servants have signed sale and purchase agreements with 87% earning under RM5,000 monthly, Bernama reported.

"This data shows that the target civil servants' group is benefiting from the scheme."

She said the government has allocated over RM466 million in Budget 2025 to continue the initiative nationwide through public-private partnership.

She added that out of the 1.3 million civil servants currently serving, 52.95% are yet to own a home, with the majority being from the support staff category.

THE SUN 27 NOV 2024
Tarikh: ..................

# Four-tier structure to end corruption

MALAYSIANS are disappointed at the extent of political and bureaucratic corruption.

This has been revealed in court cases and disclosed by the Malaysian Anti-Corruption Commission earlier this month, which highlighted that over 40% of arrests made this year involve public officers.

The civil servants who have been held include operational and support staff as well as high-level officers in management or professional categories.

Some may take comfort in the fact that Malaysia is not alone. The 2023 Corruption Perceptions Index (CPI), produced by Transparency International (TI), shows that only 28 of the 180 countries assessed have seen improvements in their corruption levels over the past 12 years while 34 countries have significantly worsened. Despite global progress in criminalising corruption and establishing specialised institutions to address it, corruption levels worldwide remain stagnant.




> *"The best way to end political and bureaucratic corruption has been tested and verified: it is to change the structure of government. We fail to see this solution as we are blind-sighted by the adulation of traditional governmental structures.*

TI's report noted that wrongdoings at all levels "ranged from bribery and embezzlement to the organised, complex schemes of grand corruption, which is the abuse of high-level power that causes serious and widespread suffering in societies. The grave societal harm caused by grand corruption makes it a matter of international concern".

About 10 days ago, a top-ranking civil servant lamented that greed and envy towards those with more wealth than them often drove officers to corruption. He said the first measure then was to raise salaries. But is this the best way to end corruption? No.

The Buddha, 2,500 years ago, taught that the fire of greed rises high in search of satisfaction, and it leads people into wrong acts. He said human desires are ceaseless and once you surrender to greed, the effect is like that of a person who drinks salt water: his thirst is only increased.

Greed is an evil state of mind that takes a lifetime of effort in character improvement to eliminate, much like destroying all the roots of weeds.

Most nations have spent the past two generations fighting corruption and still show little or no success. When you take a long path, the roots of greed have time to go deeper.

The best way to end political and bureaucratic corruption has been tested and verified: it is to change the structure of government. We fail to see this solution as we are blind-sighted by the adulation of traditional governmental structures. However, these structures bear a fatal load weakness as they comprise only three tiers – central, state and local.

The most crucial tier of government is missing, and this is the neighbourhood committee empowered to make on-site, timely at-cost decisions on vital matters, such as maintenance of the neighbourhood.

Such committees also perform another role essential in preventing corruption: they encourage high levels of social bonding that fosters neighbourhood-wide cooperation that requires integrity and honesty.

Additionally, they enable non-politicised citizens to acquire governance skills and experience in the exercise of collective responsibility.

Why is the three-tiered structure of government incapable of preventing corruption in modern nations? It is because of the population surge over the past hundred years.

At the local level in our country, Kuala Lumpur City Hall manages 8.8 million people – a population larger than the populations of 132 nations in the world.

Pre-civilised hunter-gatherer tribes had the ideal all-in-one government level as each had a population of just 150 to 500 people. It was a neighbourhood-size government.

If you study the CPI, you will notice that only seven nations out of 180 hit the highest scores of 80 and above. They are Sweden, Switzerland, Singapore, Norway, New Zealand, Finland and Denmark.

At 90 marks, Denmark is just 10 marks off the perfect 100 score (very clean). Match their ratings with the population, and you will notice that Denmark has only 5.9 million. Sweden, the most sizeable of the seven, has 10.5 million. Singapore has 5.7 million.

Despite the small population making it easier to govern, Singapore has built up an active network of residents committees and neighbourhood committees that serve as community facilitators to promote social bonding, provide feedback on local issues and convey local needs to government agencies. These communities help dissolve the need for corrupt practices.



Despite global progress in criminalising corruption and establishing specialised institutions to address it, corruption levels worldwide remain stagnant.

**Why Vietnam and China have shown improvement**

Among large countries with populations above 100 million – there are 16 of them – only two stand out. They are Vietnam and China.

Comparing the 2023 CPI scores with the 2013 scores, Vietnam has achieved a starry 32% improvement while China achieved 12% improvement. Both nations have enjoyed civil peace for many decades, an essential condition for continual improvements in the CPI score.

The United States on the other hand saw its score slip 5.5% over these 10 years.

Both Vietnam and China recognise the necessity for a basic grassroots tier of government – the neighbourhood committee as the first tier. Without a strong active network of such empowered committees throughout the nation, it is impossible to eliminate political corruption.

Malaysia has residents committees in some housing estates and management committees in strata-titled developments. Residents committees have zero governmental authority while management committees are empowered only to run their strata developments as private enclosures.

Malaysia's 2023 CPI score is 50, the same as the 2013 score. No improvement.

The complete absence of empowered neighbourhood committees explains the near-total absence of a maintenance culture, with public amenities rotting without repair.

Obstructed damaged signboards, uneven roads, potholes that keep enlarging or deepening, bumps and depressions present safety hazards in addition to daredevil motorcyclists speeding through red lights. Roadside litter is everywhere.

How does the absence of neighbourhood committees enable political corruption?

If you examine the neighbourhood committees in Vietnam and China, you will find that they are training grounds for political and bureaucratic leadership as they give cadres vital experience in governance with integrity and bonding with the communities that they live in.

New generations of leaders in these two countries will be increasingly corruption-free because they have learned integrity through hands-on experience at the grassroots level of governance.

Vietnam's neighbourhood committees or people's committees at the ward or commune level are often empowered to carry out administrative functions for the community. These committees usually take on the responsibility for implementing government policies, managing community issues and coordinating public services, such as sanitation, public safety and some welfare programmes. They exercise sufficient authority to make practical, day-to-day decisions that directly impact community members.

China's committees (*juweihui*) operate as the grassroots tier and play a key role in community governance. The committees are responsible for managing local affairs, facilitating public services and promoting social stability within neighbourhoods. This decentralised approach allows for responsive governance tailored to local needs within the larger framework of China's centralised state structure.

Sadly in Malaysia, all political parties resist any move to introduce neighbourhood governance as it means that the political and bureaucratic class will no longer enjoy a monopoly of power. This monopoly, controlled by politicians and their appointees, is the fuel for corruption.

Non-politicised neighbourhood communities empowered to govern without political party involvement give citizens sufficient experience in government to question the necessity of having a clandestine monetary reward system that involves corruption.

This column has explained in several articles why politics and religion are the twin pillars of civilisation. If one pillar fails, the other pillar must take on the extra weight. If both pillars fail, that civilisation or nation will perish.

Politics has failed; what about religion? It must lead the way in building cooperation vital for honesty and integrity in governance.

However, all our religions are also failing in that they remain inward-looking and also tend to emphasise adherents and the constant need to defend their faith against non-believers instead of turning themselves into servant leaders for the nation.

How do servants relate to one another in a large household? They cooperate, and the bond established is vital for service integrity and honesty. If each servant regards the other as an enemy, can they render the necessary quality service to the household?

Similarly, all religions in Malaysia, especially Islam, Buddhism, Christianity, Hinduism, Sikhism and Taoism, must move away from emphasising their own greatness. Instead, they should focus on the need for all people who subscribe to the first tenet of the *Rukunegara* – Belief in God – to accept one another and work towards creating a common platform of cooperative behaviour among their faiths.

This will create a pattern that makes it easy for neighbourhood committees to be formed across the nation. Politicians will also learn to cooperate and amend the laws to ensure these committees are established on a strictly neutral basis, free from involvement with political parties or party leaders.

The budget for operations should be drawn from the ratepayers assessment taxes, with operational support provided by the local councils. These councils should also review expenditures before external auditors conduct their audits.

To prevent the formation of cartels, a three-year bar can be imposed after a committee member has served a maximum of three years.

For those who doubt the efficacy of committees in preventing corruption, consider the lessons in biology textbooks. What do they say? Structure plays a crucial role in determining behaviour.

For example, if you arrange classroom seating in a lecture-hall format, you will get minimal participation from the back rows. However, if you opt for a U-shaped seating arrangement, every student is more likely to participate.

Similarly, an animal with four legs can escape a slower predator while one with only three legs is more likely to get caught. Think of corruption as a predator.


***Joachim Ng** champions interfaith harmony. Comments: letters@thesundaily.com*



THE SUN
27 NOV 2024